



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HALANGAN DAN PENGURUSAN OBESITI SEKOLAH DI SMK AGAMA

SHARIFAH BT CHE HASSAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2012



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**HALANGAN DAN PENGURUSAN OBESITI SEKOLAH
DI SMK AGAMA**

SHARIFAH BT CHE HASSAN



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2012





PENGAKUAN

Saya mengakui disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.



29 April 2012

SHARIFAH BINTI CHE HASSAN

M 20082000037





DECLARATION

I hereby declare that the work in this dissertation is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledged.



29 April 2012



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SHARIFAH BINTI CHE HASSAN

M 20082000037





DEDIKASI

Kepada suami tercinta, Rosli Sham bin Ramli yang sentiasa menjadi sumber kekuatan, rujukan dan rakan perbincangan, anak-anak tersayang Anisa, Aisyah, Adlin dan Sufi, sumber inspirasiku, juga kepada kedua ibu bapa dan semua ahli keluarga, yang sentiasa mendoakan kejayaanku.

Wassalam.





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi yang telah memberikan kekuatan dan petunjuk-Nya dalam menyiapkan disertasi ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan buat pensyarah pembimbing iaitu Dr Khuan Wai Bing atas segala bimbingan dan pendedahan ilmu yang telah diberikan sepanjang tempoh menyediakan disertasi ini. Penghargaan juga buat para pensyarah di bawah program Sarjana pengurusan pendidikan atas segala curahan ilmu dan pengalaman yang diberi.

Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih saya kepada Prof. Madya Dr. Ruzita bt Abdul Talib dan Prof Dr Mohd Ismail Noor, pensyarah di Jabatan Pemakanan & Dietetik, Universiti Kebangsaan Malaysia yang banyak memberi bantuan dari segi maklumat dan rujukan berkaitan obesiti. Tidak lupa kepada sahabat seperjuangan, Puan Rozita bt Paiman dan Encik Azlan bin Lin yang sentiasa memberi semangat dan komen yang memberangsangkan.

Kerjasama dan sokongan SMK Agama di Zon Tengah, Malaysia dan pegawai Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia bagi membolehkan kajian ini dijalankan dengan lancar amatlah dihargai.



ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti halangan dalam pengurusan obesiti, aspek-aspek pengurusan obesiti dan hubungan antara halangan dan pengurusan obesiti sekolah di SMK Agama, Zon Tengah, Malaysia. Kajian berbentuk kuantitatif menggunakan kaedah soal selidik. Sampel kajian diambil secara berkelompok dan bertujuan terhadap 179 responden dari 7 buah SMK Agama di Zon Tengah, Malaysia. Instrumen kajian ialah soal selidik yang diubahsuai dari beberapa kajian lepas. Kebolehpercayaan soal selidik diuji dengan menggunakan kaedah Cronbach Alpha di mana nilai untuk Perancangan, Penyelarasan, Komunikasi, Kawalan dan Penilaian adalah 0.854 dan Halangan ialah 0.622. Data dianalisis menggunakan kaedah statistik secara deskriptif iaitu peratusan, min dan ujian korelasi Pearson untuk menunjukkan latar belakang responden kajian, aspek pengurusan obesiti sekolah dan tahap halangan yang dihadapi oleh sekolah. Analisis latar belakang dan jawatan responden menunjukkan 140 orang terdiri dari guru penolong, 36 orang adalah ketua panitia dan 3 orang ialah penolong kanan. Analisis tahap pengurusan obesiti sekolah secara keseluruhannya di tahap sederhana dengan min 2.98. Analisis terhadap aspek halangan menunjukkan halangan dalam perancangan, penyelarasan dan komunikasi merupakan tahap halangan yang tinggi dan halangan dalam penilaian adalah tahap halangan yang sederhana. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang sederhana di antara halangan dengan pengurusan obesiti sekolah dengan nilai $r = .58$ pada aras signifikan 0.00.





ABSTRACT

This study was conducted to identify the obstacles, the aspects of obesity management and the relationship between obstacles and school obesity management in SMK Agama, Central Zone, Malaysia. It is a quantitative study using questionnaires. Study samples were taken from 179 respondents from 7 SMK Agama, Central Zone, Malaysia. The instrument used was a questionnaire, adapted from several previous studies. Reliability test is done using Cronbach Alpha. The value for Planning, Coordination, Communication, Control and Evaluation is 0.854 and the value for Obstacles is 0.622.

The data were analysed using descriptive statistical method including mean and Pearson correlation test to describe the findings. Analysis of the respondents' background showed 140 are teachers, 36 are heads of panitia and 3 senior assistants. Analysis of the obesity management as a whole showed the obesity management is at a moderate level with a mean of 2.98. Analysis on the aspect of the planning, evaluation and communication showed they are of the highest obstacle and the aspect of controlling and coordination are at a moderate level of obstacles faced by school. The finding of H_{01} showed a moderate relationship between obstacle and school obesity management with $r = .58$ at a significance level of 0.00.



KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	i
DECLARATION	ii
DEDIKASI	iii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	vii
ABSTRACT	viii
KANDUNGAN	ix
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	18
1.2 Pernyataan Masalah	19
1.3 Konseptual Kajian	21
1.4 Objektif Kajian	22
1.5 Hipotesis	23
1.6 Persoalan Kajian	23
1.7 Persampelan	24
1.8 Batasan Kajian	25
1.9 Kepentingan Kajian	26
1.10 Definisi istilah	27

1.10.1	Halangan dalam pengurusan obesiti sekolah	27
1.10.2	Aspek pengurusan obesiti sekolah	27
1.10.3	Perancangan	28
1.10.4	Penyelarasan	28
1.10.5	Komunikasi	28
1.10.6	Kawalan	28
1.10.7	Penilaian	29
1.10.7	B.M.I.	29
1.10.8	Obesiti	30
1.10.9	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMK Agama)	30
1.11	Rumusan	30

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	32
2.2	Halangan dalam pengurusan obesiti	33
2.2.1	Tahap Obesiti Pelajar Sekolah Menengah	35
2.2.2	Tahap Kecergasan Pelajar.	35
2.2.3	Kesan Pemakanan terhadap Pembelajaran	37
2.3	Pengurusan Obesiti Sekolah	39
2.3.1	Peranan Pihak Sekolah	40
2.3.2	Sekolah Sebagai Tempat Pendidikan Pemakanan	42
2.3.3	Pengintergrasian melalui kurikulum	45
2.3.4	Program Kesihatan Sekolah	47
2.3.5	Kolaborasi dengan pusat kesihatan kerajaan	48
2.3.6	Penetapan polisi oleh pihak sekolah	49
2.4	Pengurusan	51
2.4.1	Perancangan	52

2.4.2	Penyelarasan	55
2.4.3	Komunikasi	55
2.4.4	Kawalan	57
2.4.5	Penilaian	58
2.4.6	Halangan	59
2.5	Rumusan	59

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	61
3.2	Reka bentuk Kajian	62
3.3	Persampelan	63
3.3.1	Pemilihan Sekolah	64
3.4	Instrumen Kajian	66
3.5	Struktur alat kajian	67
3.6	Penilaian alat kajian	70
3.7	Kajian Rintis	71
3.8	Kaedah Pengumpulan Data	72
3.9	Kaedah Analisis Data	73
3.9.1	Statistik Deskriptif	75
3.9.2	Penentuan tahap halangan yang dihadapi oleh pihak sekolah	75
3.9.3	Penentuan tahap pengurusan obesiti sekolah	77
3.9.4	Statistik Inferensi	79
3.9.5	Ujian Korelasi Pearson Product-Moment	80
3.9.6	Aras Signifikan	82
3.10	Rumusan	82

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	84
4.2	Biodata Responden	85
4.2	Aspek Pengurusan Obesiti Sekolah	87
4.2.1	Analisis min berkenaan pengurusan obesiti sekolah berdasarkan aspek perancangan	88
4.2.2	Analisis min berkenaan pengurusan obesiti sekolah berdasarkan aspek penyelarasan	90
4.2.3	Analisis min berkenaan pengurusan obesiti sekolah berdasarkan aspek komunikasi	93
4.2.4	Analisis min berkenaan pengurusan obesiti sekolah berdasarkan aspek kawalan	95
4.2.5	Analisis min berkenaan pengurusan obesiti sekolah berdasarkan aspek penilaian	98
4.2.6	Analisis min berkenaan pengurusan obesiti sekolah berdasarkan aspek halangan	101
4.2.7	Aspek halangan yang dihadapi dalam pengurusan obesiti sekolah	113
4.3	Analisis Korelasi Di Antara Halangan Dalam Pengurusan Obesiti Dan Pengurusan Obesiti Sekolah.	114
4.3.1	Analisis Korelasi Di Antara Halangan Dalam Pengurusan Obesiti Sekolah Dan Aspek Pengurusan Obesiti Sekolah Berdasarkan Aspek Perancangan	115
4.3.2	Analisis Korelasi Di Antara Halangan Dalam Pengurusan Obesiti Sekolah Dan Aspek Pengurusan Obesiti Sekolah Berdasarkan Aspek Penyelarasan	116



4.3.3 Analisis Korelasi Di Antara Halangan Dalam	
Pengurusan Obesiti Sekolah Dan Aspek Pengurusan	
Obesiti Sekolah Berdasarkan Aspek Komunikasi	116
4.3.4 Analisis Korelasi Di Antara Halangan Dalam Pengurusan	
Obesiti Sekolah Dan Aspek Pengurusan Obesiti Sekolah	
Berdasarkan Aspek Kawalan	117
4.3.5 Analisis Korelasi Di Antara Halangan Dalam	
Pengurusan Obesiti Sekolah Dan Aspek Pengurusan Obesiti	
Sekolah Berdasarkan Aspek Penilaian	117
4.3.6 Analisis Korelasi Di Antara Halangan Dalam Pengurusan	
Obesiti Sekolah Dan Pengurusan Obesiti Sekolah	118
4.4 Kesimpulan	118

BAB 5 KESIMPULAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan	120
5.1 Rumusan Kajian	121
5.2 Kesimpulan Dapatan Kajian	123
5.2.1 Halangan Dalam Pengurusan Obesiti	123
5.2.2 Aspek Pengurusan Obesiti Sekolah	124
5.2.3 Hubungan Antara Halangan Dalam Pengurusan Obesiti Sekolah	
Dan Aspek-Aspek Pengurusan Obesiti Sekolah	125
5.3 Cadangan	125
5.3.1 Cadangan Untuk Penggubal Dasar Dan Pihak Pengurusan	126
5.3.2 Cadangan Untuk Pengkaji Masa Depan	128
5.2 Penutup	129

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1.1 Kategori BMI	29
3.1 Sumber Soalan Dalam Soal Selidik	69
3.2 Skala Likert	71
3.3 Alat-alat Statistik Yang Digunakan Untuk Setiap Hipotesis Alternatif	75
3.4 Pengagihan skor dalam tahap pengurusan obesiti sekolah	77
3.5 Pengagihan skor dalam tahap halangan yang dihadapi oleh pihak sekolah	79
3.6 Alat Statistik Yang Digunakan Untuk Hipotesis Nul	80
3.7 Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	82
4.1 Latar belakang responden	85
4.2 Jawatan responden	85
4.3 Pengalaman responden	86
4.4 Kehadiran kursus/seminar/taklimat berkaitan program pengurusan obesiti	87
4.5 Dapatan soal selidik pengurusan obesiti sekolah berdasarkan aspek perancangan	88
4.6 Dapatan soal selidik pengurusan obesiti sekolah berdasarkan aspek penyelarasan	91

**Jadual****Muka surat**

4.7	Dapatan soal selidik pengurusan obesiti sekolah berdasarkan aspek komunikasi	93
4.8	Dapatan soal selidik pengurusan obesiti sekolah berdasarkan aspek kawalan	95
4.9	Dapatan soal selidik pengurusan obesiti sekolah berdasarkan aspek penilaian	98
4.10	Dapatan soal selidik halangan yang dihadapi dalam pengurusan obesiti sekolah	102
4.11	Aspek halangan yang dihadapi	113
4.12	Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	115





SENARAI RAJAH

Rajah

Muka surat

Rajah 1 Model Pengurusan Obesiti Sekolah

20





SENARAI LAMPIRAN

Lampiran

Muka surat

LAMPIRAN A	Soal selidik	172
LAMPIRAN B	Surat kelulusan menjalankan kajian dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia	182
LAMPIRAN C	Senarai SMK Agama di Zon Tengah yang terlibat dalam kajian	183
LAMPIRAN D	Surat edaran soal selidik ke sekolah	184
LAMPIRAN E	Analisis kekerapan, peratusan dan min berkenaan pengurusan obesiti sekolah	185





SENARAI SINGKATAN

BMI	=	Body Mass Index:
SMK Agama	=	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SPSS	=	Program Statistical Package For Social Sciences





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Rakyat yang bijak dan sihat merupakan aset kepada negara. Negara yang ingin berkembang maju memerlukan rakyat yang sihat, cergas dan produktif yang merupakan modal insan berkualiti. Kualiti pendidikan dan pelajar adalah dipengaruhi oleh tahap kesihatan dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual selain dari kemudahan pembelajaran, kesungguhan pelajar sendiri, keberkesanan guru yang





mengajar dan persekitaran yang merangsang pembelajaran mereka. Maka untuk menghasilkan modal insan yang berkualiti, pendedahan awal tentang penjagaan kesihatan dan amalan pemakanan yang sihat perlu bermula dari bangku sekolah melalui pengurusan obesiti yang baik.

UNESCO (2009) menganggarkan lebih daripada satu billion manusia mengalami masalah berat badan dan jika berterusan, kadar obesiti akan meningkat sehingga 1.5 billion menjelang 2015. Pada awal 2007, Kementerian Kesihatan telah membelanjakan sebanyak RM 180 juta (20%) daripada peruntukan tahunan sebanyak RM 900 juta untuk penyakit yang dikaitkan dengan obesiti seperti penyakit kronik, hipertensi, diabetis dan kolesterol tinggi. Bilangan pesakit dijangka bertambah sebanyak 13% menjelang tahun 2020 (Utusan Malaysia, 2007). Statistik Kementerian Kesihatan Malaysia menunjukkan 22% daripada populasi dewasa adalah gemuk dan 6.8% adalah obes.

1.2 Pernyataan Masalah

Senario yang terdapat di sekolah masa kini menunjukkan terdapat pelajar yang mempunyai masalah berat badan yang berlebihan. Pelajar yang mempunyai masalah berat badan akan membataskan pergerakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pemerhatian yang dijalankan ke atas pelajar menengah rendah SMK





Agama Slim River dan SABK Maahad Ehyak Diniah Islamiah Kg, Gajah juga menunjukkan terdapat pelajar-pelajar yang gemuk. Dapatan daripada pemerhatian yang dilakukan selama 3 tahun (2008 hingga 2011) di sekolah-sekolah tersebut menunjukkan terdapat sekurang-kurangnya seorang pelajar yang gemuk dalam setiap kelas. Malah berdasarkan BMI pelajar-pelajar yang diambil dari Ujian SEGAK Negeri Perak (2009) juga menunjukkan 15% pelajar berada di julat melebihi 30. Dapatan Ujian SEGAK Negeri Perak (2011) menunjukkan 10% pelajar lelaki dan 15% pelajar perempuan yang berumur antara 13 tahun hingga 17 tahun adalah gemuk dan obes. Keadaan ini memberi kesan yang negatif kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan aktiviti fizikal serta menurunkan tahap keyakinan pelajar sekali gus menjadi penghalang kepada mereka untuk cemerlang dalam akademik kerana minda yang cerdas terhasil dari badan yang sihat dan cergas.




Sepanjang pemerhatian dijalankan oleh pengkaji (2008 hingga 2011) didapati pihak sekolah kurang menjalankan program berkaitan pengurusan obesiti sekolah. Antara program yang telah dikenalpasti ialah Program Ceramah Kesihatan, Program Pemakanan Sihat dan Program Pemeriksaan Kesihatan. Program-program ini hanya dijalankan tiga hingga empat kali setahun. Sekolah telah dikenalpasti sebagai pusat strategi yang paling utama untuk mencegah atau mengurangkan peningkatan masalah berlebihan berat badan dan obesiti (Story, Nanney, & Schwartz, 2009) tetapi situasi yang berlaku adalah sebaliknya. Kadar kegemukan dan obesiti pelajar masih berada di paras yang membimbangkan berdasarkan pemerhatian yang telah dilakukan oleh pengkaji. Maka kajian ini perlu dilakukan bagi mengenalpasti halangan dalam



pengurusan obesiti sekolah dan aspek-aspek pengurusan obesiti sekolah yang diberi tumpuan. Selain itu, belum ada kajian yang dijalankan berkaitan halangan dalam pengurusan obesiti sekolah secara spesifik.

1.3 Konseptual Kajian



Rajah 1

Model Pengurusan Obesiti Sekolah berdasarkan Teori Pengurusan dari Fayol (1949), Gullick & Urwick (1937), Yulk (1994) dan Teori Komunikasi

Berdasarkan Rajah 1 Model Pengurusan Obesiti Sekolah, halangan merupakan penentu utama dalam pengurusan obesiti yang diberi tumpuan oleh pihak sekolah. Aspek Pengurusan Obesiti sekolah diukur melalui aspek-aspek seperti Perancangan,



Penyelarasan, Komunikasi, Kawalan dan Penilaian. Pemboleh ubah bersandar adalah faktor yang diperhatikan dan diukur untuk menentukan kesan pemboleh ubah tidak bersandar (Sidek Mohd Noah, 2007). Halangan dalam pengurusan obesiti sekolah dipilih sebagai pemboleh ubah tidak bersandar. Aspek Pengurusan Obesiti sekolah dianggap sebagai pemboleh ubah bersandar. Oleh itu, Aspek Pengurusan Obesiti sekolah adalah faktor yang diperhatikan dan diukur untuk mengenalpasti halangan dalam pengurusan obesiti sekolah. Secara keseluruhan model ini menunjukkan hubungan antara halangan dalam pengurusan obesiti dan aspek pengurusan obesiti yang diberi tumpuan oleh pihak sekolah.



Objektif umum bagi kajian ini adalah bertujuan untuk meneliti peranan sekolah terhadap pengurusan obesiti yang telah dilaksanakan berdasarkan Akta Pendidikan 1996 dengan merujuk Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 4/2002 berkaitan pelaksanaan Program Sekolah Selamat. Manakala objektif khusus kajian ini adalah untuk:

- (i) Mengenal pasti halangan dalam pengurusan obesiti sekolah.





- (ii) Mengenal pasti aspek-aspek pengurusan obesiti sekolah yang diberi tumpuan oleh sekolah-sekolah menengah Agama.
- (iii) Mengenal pasti hubungan antara halangan dalam pengurusan obesiti sekolah dan aspek-aspek pengurusan obesiti sekolah.

1.5 Hipotesis

Berdasarkan kepada permasalahan kajian yang diuraikan, penyelidik merumuskan hipotesis nol kajian berikut:-



- (i) H_{01} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara halangan dalam pengurusan obesiti sekolah dan aspek pengurusan obesiti sekolah.

1.6 Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan menjawab soalan-soalan berikut:





- (i) Apakah halangan dalam pengurusan obesiti yang dihadapi oleh pihak sekolah?
- (ii) Apakah aspek pengurusan obesiti yang diberi tumpuan oleh pihak sekolah?
- (ii) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara halangan dalam pengurusan obesiti sekolah dan aspek pengurusan obesiti sekolah?

1.7 Persampelan

Penentuan populasi kajian adalah amat penting dalam sesuatu penyelidikan (Babbie, 2008) menyatakan populasi sebagai keadaan yang menetapkan siapa yang harus dimasukkan atau dikeluarkan daripada populasi. Mohd Majid Konting (2004) pula menyatakan populasi sebagai semua ahli dalam kelompok pembolehubah yang dikaji. Populasi dan sampel kajian diambil secara berkelompok dan bertujuan terhadap 70 orang pentadbir dan 140 orang guru penolong dari 7 buah SMK Agama di Zon Tengah, Malaysia.





1.8 Batasan Kajian

Kajian ini hanya memfokuskan tentang halangan dalam pengurusan obesiti dan pengurusan obesiti di SMK Agama di Zon Tengah, Malaysia sahaja. Aspek birokrasi dalam pengurusan obesiti tidak dikaji.

Selain itu, responden dalam kajian adalah terbatas kepada pentadbir dan guru penolong SMK Agama di Zon Tengah, Malaysia sahaja. Zon-zon lain tidak dikaji akibat kekangan masa dan kos. Kajian ini dibuat mulai 19 Mei 2010 sehingga 10 November 2010. Skop kajian terbatas kepada aspek-aspek dan item-item yang terdapat dalam instrumen kajian. Pihak penyelidik tidak dapat mengambil langkah yang khusus untuk menyemak kembali dengan pihak pengurusan sekolah mengenai data yang ditulis disebabkan kesuntukan masa dan banyak kekangan kewangan lain. Justeru, data ini tepat pada masa tersebut sahaja.

Di samping itu, data yang diperoleh hanyalah berasaskan tindak balas responden-responden terhadap soal selidik yang diedarkan. Data yang dikumpul adalah bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan responden dalam menjawab soal selidik. Data yang diperoleh berkemungkinan hanya melaporkan situasi yang sebenarnya wujud di SMK Agama di Zon Tengah, Malaysia. Soal selidik yang digunakan adalah diterjemahkan dariapda Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu. Ini mungkin menyebabkan maksud sebenar soalan dalam instrumen berubah.





1.9 Kepentingan Kajian

Hasil kajian yang diperoleh diharap dapat membantu:

- (i) Memberikan maklumat penyelidikan kepada pihak pentadbiran sekolah untuk mengurangkan halangan yang terdapat dalam pengurusan obesiti pelajar sekaligus meningkatkan dan melakukan penambahbaikan terhadap aspek pengurusan obesiti di sekolah.
- (ii) Mendedahkan kepada guru-guru dan pentadbir di SMK Agama tentang halangan yang terdapat dalam pengurusan obesiti dan kepentingan pengurusan obesiti sekolah.
- (iii) Pusat Perkembangan Kurikulum, untuk pengintergrasian kurikulum dengan penyediaan garis panduan pengawalan obesiti yang boleh digunakan di sekolah untuk merancang program pengurusan obesiti pelajar.



1.10 Definisi istilah

Bagi memudahkan pemahaman, beberapa perkataan dan frasa penting yang digunakan diberikan takrifan mengikut tujuan dan maksud pengkaji dalam menjalankan kajian ini.

1.10.1 Halangan dalam pengurusan obesiti sekolah

Halangan yang dihadapi oleh pihak sekolah dalam pengurusan obesiti seperti halangan dalam perancangan, halangan dalam penyelarasan, halangan dalam komunikasi, halangan dalam kawalan dan halangan dalam penilaian.

1.10.2 Aspek pengurusan obesiti sekolah

Aspek pengurusan obesiti sekolah ialah elemen yang digunakan oleh pihak sekolah untuk mengurus masalah obesiti pelajar di SMK Agama di Zon Tengah, Malaysia melalui pelaksanaan tugas-tugas dari aspek perancangan, penyelarasan, komunikasi, kawalan dan penilaian.



1.10.3 Perancangan

Perancangan pihak sekolah dalam pengurusan obesiti.

1.10.4 Penyelarasan

Penyelarasan yang dilakukan oleh pihak sekolah dalam pengurusan obesiti.

1.10.5 Komunikasi

Komunikasi pihak sekolah dengan guru dan pelajar dalam pengurusan obesiti.



1.10.6 Kawalan

Kawalan terhadap tindakan yang dilakukan oleh pihak sekolah dalam pengurusan obesiti





1.10.7 Penilaian

Penilaian terhadap tindakan yang dilakukan oleh pihak sekolah dalam pengurusan obesiti.

1.10.7 B.M.I.

Body Mass Index (BMI) merupakan suatu pengukuran yang menunjukkan hubungan antara berat badan dan tinggi badan menggunakan formula ukuran statistik terhadap skala lemak badan berdasarkan kepada tinggi dan berat ideal. Daripada Jadual 1.1, BMI seharusnya kurang drpd 25. Ia terdiri daripada 5 kategori seperti berikut:



Jadual 1.1

Kategori BMI

Kategori	Julat BMI
Kebuluran / kurang berat keterlaluan	kurang drpd 15
Kurang berat	dari 15 ke 18.5
Normal	dari 18.5 ke 25
Berat berlebihan	dari 25 ke 30
Obesiti / kegemukan	lebih drpd 30

BMI boleh dikira spt berikut: $BMI = \text{berat(kg)} / \text{tinggi (m)}$





1.10.8 Obesiti

Pengumpulan lemak yang abnormal atau berlebihan yang boleh mengganggu kesihatan.

1.10.9 Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMK Agama)

Merujuk kepada Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia, SMK Agama bermula dengan sejarah pengambilalihan sekolah Agama rakyat oleh pihak kerajaan pada tahun 1977 seterusnya telah bertambah dari 11 buah kepada 54 buah sekolah. Sekolah ini menawarkan aliran Agama bersama aliran-aliran lain seperti sains, kejuruteraan dan lukisan kejuruteraan.



1.11 Rumusan

Halangan dalam pengurusan obesiti boleh menjejaskan pengurusan obesiti sekolah dan Malaysia juga tidak mahu mempunyai pelajar yang obes. Pelajar yang obes menyebabkan pencapaian akademik akan terjejas kerana otak yang cerdas lahir dari badan yang cergas.





Bab ini telah memberikan gambaran tentang pernyataan masalah, persoalan kajian dan batasan kajian. Begitu juga tujuan dan objektif kajian serta konseptual kajian juga dibincangkan. Beberapa definisi istilah seperti halangan dalam pengurusan, obesiti sekolah pengurusan obesiti sekolah, perancangan, penyelarasan, komunikasi, penilaian, B.M.I. dan sebagainya telah dihuraikan.

Pendek kata, kajian ini memberi fokus kepada halangan dalam pengurusan obesiti dan aspek pengurusan obesiti yang diberikan tumpuan khasnya di SMK Agama di Zon Tengah, Malaysia.

